



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## UCAPAN

**EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**SEMINAR “ADA STANDARD UNTUNG!”**

**MS ISO 21101 – ADVENTURE TOURISM –**

***SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS***

**23 MAC 2022**

**SAMA-SAMA HOTEL KLIA, SEPANG**

YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan)  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Yang Berusaha, En. Mohd Zamri bin Mat Zain,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan,  
Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Yang Berusaha, En. Azmi Nashriby,  
Pengerusi Kumpulan Kerja berkenaan *Adventure Tourism*.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih di atas kehadiran Seminar “Ada Standard Untung!”- MS ISO 21101 - *Adventure tourism – Safety management systems – Requirements*.

Saya ingin merakamkan setinggi tinggi ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) kerana sudi menjadi pengajur bersama Seminar “Ada Standard Untung!”- MS ISO 21101 - *Adventure tourism – Safety management systems – Requirements*.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para tetamu dan peserta yang hadir pada Seminar hari ini yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan, para akademik, persatuan-persatuan dan industri-

industri. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada para sekretariat yang bertungkus lumus dari awal sehingga akhir bagi menjayakan dan merealisasikan seminar ini.

**Para hadirin sekalian,**

Untuk makluman YBhg Dato'/Tuan / Puan, sehingga bulan Mac 2022, sebanyak 4844 *Malaysian Standards* (MS) telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Standard Kebangsaan dalam pelbagai sektor di negara kita. Daripada jumlah tersebut, 16 MS telah dibangunkan menerusi bidang *Tourism, Exhibition and Hospitality Services* seperti hotel penginapan, pameran serta aktiviti lasak contohnya *scuba diving* dan *adventure tourism*. MS ISO 21101 - *Adventure tourism – Safety management systems – Requirements* merupakan salah satu MS yang diterima pakai atau diadaptasi daripada dokumen standard ISO bagi membantu pihak industri *adventure tourism* khususnya mengikuti amalan terbaik (*best practices*) yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih bagi Kumpulan Kerja berkenaan *Adventure Tourism* yang memikul amanah dengan jayanya bagi menyempurnakan proses pembangunan standard sehingga diterbitkan. Kumpulan Kerja ini yang dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan yang mewakili badan Kerajaan, universiti dan industri.

Kesinambungan daripada pembangunan MS ISO 21101 - *Adventure tourism – Safety management systems – Requirements* yang diterbitkan ini, Jabatan Standard Malaysia bersama-sama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah mengambil kesempatan untuk menganjurkan seminar ini bagi mencapai objektif

penganjuran dalam memberi kesedaran dan pemahaman kepada para peserta yang terdiri daripada golongan sasar berkenaan keperluan mematuhi MS serta pelaksanaannya.

Seminar yang berlangsung pada hari ini akan memfokuskan berkenaan latar belakang dan proses pembangunan MS, dasar dan pelan pelancongan di peringkat Kebangsaan, intipati MS 21101 terutamanya dari aspek prestasi dan amalan keselamatan serta pematuhan kepada keperluan perundangan, pembangunan sektor pelancongan serta kupasan mengenai keselamatan aktiviti *adventure tourism*.

MS yang telah mendapat kelulusan daripada YBMK MITI ini adalah diterimapakai secara total (total adoption) daripada standard antarabangsa ISO. Ini bermaksud MS ini adalah sama dengan Standard ISO yang diiktiraf oleh pelbagai negara di dunia. Banyak negara-negara di dunia telah melaksanakan standard ini sebagai mitigasi terhadap kesan pandemik Covid-19 bagi memulihkan sektor pelancongan negara masing-masing.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada kedua-dua TKSU yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dalam majlis kita pada hari ini yang menjadi lambang kerjasama erat di antara dua kementerian MITI (pembangunan standard) dan MOTAC (pelaksanaan standard dan dasar pelancongan) yang dapat memacu pertumbuhan industri pelancongan negara sekaligus dapat keluar dari kemelut pandemik dan endemik Covid-19.

**Para hadirin sekalian,**

Jabatan Standard Malaysia dan MOTAC mengharapkan agar seminar yang julung kali diadakan ini disambut baik bagi memberi kesedaran dan input terkini berkenaan keperluan MS ISO 21101 - *Adventure tourism – Safety management systems – Requirements* yang sekaligus akan memberi impak terhadap perkembangan industri pelancongan di Malaysia.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Semoga Seminar “Ada Standard Untung!”- MS ISO 21101 -*Adventure tourism – Safety management systems – Requirements* ini dapat berjalan dengan lancar serta mencapai matlamatnya.

Sekian, terima kasih.